

24 SEP 2001

Mahathir-BN

DR MAHATHIR YAKIN BN CAPAI KEMENANGAN 'BAIK'

KUCHING, 24 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau yakin Barisan Nasional akan mencapai kemenangan yang "baik" dalam pilihanraya Sarawak Khamis ini.

"Di mana-mana saya pergi termasuk kawasan luar bandar, Bruit, bilangan mereka yang datang adalah besar dan ini menunjukkan semangat dan sokongan rakyat terhadap BN adalah kuat," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin parti komponen BN negeri di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata kerjasama antara parti-parti komponen BN adalah baik dan tidak ada cubaan sabotaj seperti yang berlaku dalam parti lawan.

"Ini adalah petanda yang baik untuk BN negeri," katanya.

BN sudahpun memenangi empat kerusi tanpa bertanding pada hari penamaan calon 18 Sept lepas tetapi di baki 58 kawasan, menghadapi cabaran daripada calon-calon sama ada dari Parti Keadilan Nasional, DAP, STAR, Pas atau Bebas.

Perdana Menteri juga berkata beliau merasa sedih kerana Parti Keadilan Nasional dan Pas membawa "budaya buruk" daripada Semenanjung ke Sarawak dalam kempen pilihanraya kali ini.

Katanya pilihanraya di Sarawak dahulunya dijalankan dengan tenang kerana tidak ada cara yang kasar seperti yang dibawa oleh kedua-dua parti itu sekarang.

"Saya harap rakyat Sarawak yang sehingga kini hidup aman damai akan menolak semua calon Pas dan Keadilan kerana perjuangan mereka tidak ada tempat sama sekali di negeri ini," katanya.

Ditanya sama ada terdapat orang Sarawak yang terpengaruh dengan budaya baru itu, Dr Mahathir berkata mungkin ada juga penduduk negeri itu yang berminat dengan keganasan tetapi bilangan mereka adalah kecil.

Apabila ditanya kenapa Keadilan dan Pas bertanding walaupun tidak mendapat sokongan di Sarawak, Dr Mahathir berkata : "Dia macam itulah, dia tak kira kalau ada dua orang penyokong, dia letak calon juga".

Dalam pilihanraya ini, Parti Keadilan bertanding di 25 kawasan dan Pas di tiga. Ini adalah pertama kali kedua-dua parti itu bertanding dalam pilihanraya negeri.

-- BERNAMA

NT MAI